

No	KATEGORI: ADUAN TELEKOMUNIKASI	
1	Soalan	Apakah nombor talian MCMC Consumer Care Centre?
	Jawapan	1800 188 030
2	Soalan	Apakah yang perlu saya lakukan jika saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan pelanggan Penyedia Perkhidmatan telekomunikasi saya?
	Jawapan	Anda boleh melaporkan aduan anda kepada Forum Pengguna Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CFM) melalui Portal Aduan MCMC (https://aduan.mcmc.gov.my/).
3	Soalan	Maklumat apa yang perlu saya sediakan sebelum membuat aduan di Portal Aduan MCMC?
	Jawapan	Anda perlu sediakan maklumat peribadi, maklumat Penyedia Perkhidmatan, penerangan aduan, bukti sokongan, dan maklumat tambahan (jika ada).
4	Soalan	Apakah tindakan yang perlu diambil jika saya mendapati perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyedia Perkhidmatan tidak seperti yang diiklankan?
	Jawapan	Laporkan kepada Penyedia Perkhidmatan anda terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan. Jika masih tidak berpuashati, anda boleh membuka aduan melalui Portal Aduan MCMC.
5	Soalan	Saya telah memohon untuk pembatalan Pelan Pascabayar yang saya langgani. Namun, ianya tidak dibatalkan oleh Penyedia Perkhidmatan telekomunikasi. Apakah yang perlu saya lakukan?
	Jawapan	Laporkan kepada Penyedia Perkhidmatan anda terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan. Jika masih tidak berpuashati, anda boleh membuka aduan melalui Portal Aduan MCMC.
6	Soalan	Saya tidak dapat menggunakan sepenuhnya kuota data tambahan dalam pelan saya. Apa yang perlu saya lakukan?
	Jawapan	Laporkan kepada Penyedia Perkhidmatan anda terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan. Jika masih tidak berpuashati, anda boleh membuka aduan melalui Portal Aduan MCMC.
7	Soalan	Kelajuan internet saya lebih rendah daripada pelan yang dilanggan. Apakah langkah yang saya perlu ambil?
	Jawapan	Laporkan kepada Penyedia Perkhidmatan anda terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan. Jika masih tidak berpuashati, anda boleh membuka aduan melalui Portal Aduan MCMC.
8	Soalan	Saya dikenakan caj perayauan walaupun telah mematakannya servis perayauan pada peranti saya. Apa tindakan yang saya lakukan?
	Jawapan	Laporkan kepada Penyedia Perkhidmatan anda terlebih dahulu untuk mendapatkan penjelasan. Jika masih tidak berpuashati, anda boleh membuka aduan melalui Portal Aduan MCMC.

9	Soalan	Apakah cara yang terbaik untuk menguruskan langganan perkhidmatan yang saya tidak lagi gunakan?
	Jawapan	Hubungi Penyedia Perkhidmatan untuk membatalkan langganan tersebut dan pastikan anda menerima pengesahan bertulis.

No	KATEGORI: KANDUNGAN DALAM TALIAN	
----	---	--

10	Soalan	Apakah cara yang terbaik untuk melindungi akaun media sosial saya daripada digodam?
	Jawapan	Gunakan kata laluan yang kuat, aktifkan pengesahan dua faktor (2FA), dan elakkan klik pada pautan mencurigakan.

11	Soalan	Apa yang perlu saya lakukan jika melihat iklan judi haram dalam talian?
	Jawapan	Fail aduan kandungan iklan perjudian kepada MCMC melalui Portal Aduan MCMC (https://aduan.mcmc.gov.my/).

12	Soalan	Bagaimana saya boleh menyemak jika laman web itu adalah sah ataupun palsu sebelum membuat pembelian dalam talian?
	Jawapan	Semak sama ada laman web mempunyai simbol kunci mangga pada dan 'https' pada URL, serta periksa ulasan pelanggan lain.

No	KATEGORI: LAIN-LAIN	
----	----------------------------	--

13	Soalan	Apakah tindakan yang sebaiknya jika terdapat percubaan yang mencurigakan untuk akses kepada peranti saya?
	Jawapan	Gunakan perisian antivirus dan anti-malware terkini untuk menjalankan imbasan penuh pada peranti anda.

14	Soalan	Saya menerima telefon bimbit palsu dari pembelian dalam talian. Apa yang boleh saya lakukan?
	Jawapan	Laporkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) beserta bukti pembelian.

15	Soalan	Bagaimana jika saya menerima panggilan mencurigakan dari wakil LHDN?
	Jawapan	JANGAN dedahkan sebarang maklumat peribadi dan perbankan anda.

16	Soalan	Saya menerima notifikasi transaksi bank yang mencurigakan. Apa tindakan saya?
	Jawapan	Laporkan transaksi penipuan tersebut kepada pihak Bank dengan segera.

17	Soalan	Apa yang perlu saya lakukan jika sering menerima panggilan dari nombor yang tidak dikenali?
----	---------------	--

	Jawapan	Abaikan panggilan dan tetapkan sekatan untuk nombor pemanggil dan muat turun aplikasi yang boleh menyekat panggilan.
18	Soalan	Apakah langkah yang perlu diambil jika saya menerima panggilan daripada seseorang yang mengaku sebagai wakil sebuah syarikat besar tetapi meminta maklumat peribadi saya?
	Jawapan	Jangan dedahkan maklumat peribadi anda. Segera tamatkan panggilan dan laporkan kepada pihak berkuasa jika perlu.
19	Soalan	Bagaimana saya boleh memastikan saya tidak tertipu semasa membuat pembelian dalam talian?
	Jawapan	Pastikan anda membeli dari laman web yang mempunyai reputasi baik dan gunakan kaedah pembayaran yang selamat seperti perkhidmatan DuitNow.
20	Soalan	Apakah yang harus saya lakukan jika saya menerima emel phishing yang meminta maklumat peribadi atau perbankan saya?
	Jawapan	Jangan klik pada sebarang pautan dalam emel tersebut. Laporkan emel itu sebagai phishing kepada penyedia perkhidmatan emel anda dan hapuskannya.
21	Soalan	Apakah yang harus saya lakukan jika saya kehilangan akses kepada akaun perbankan dalam talian saya?
	Jawapan	Segera hubungi pihak bank anda untuk melaporkan kehilangan akses dan ikuti arahan mereka untuk mendapatkan kembali kawalan akaun anda.